MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG



PERMOHONAN UNTUK MENGISI

JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia dan keutamaan kepada rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan yang memiliki keterampilan baik, semangat yang tinggi untuk bekerja secara berpasukan, bakat kepimpinan, ciri-ciri jati diri yang cemerlang dan kelayakan profesionalisme yang bersesuaian bagi mengisi jawatan kosong di Majlis Perbandaran Manjung.

JAWATAN : PEGAWAI PENILAIAN GRED W12

Jabatan / Penempatan	:	JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
Bilangan Kekosongan	:	1 Kekosongan
Taraf Jawatan	:	Kontrak/Tetap
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pengurusan dan Profesional
Klasifikasi Perkhidmatan	:	Kewangan

JADUAL GAJI : Gred W12

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM5,530.00	RM13,540.00	RM270.00

SYARAT LANTIKAN

3.1. Calon bagi lantikan adalah :-

a) Rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan dengan kewarganegaraan Malaysia;

b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

c) Memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Penilaian Harta Tanah, Pengurusan Harta Tanah (*Estate Management*) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3.2. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu :-

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

FUNGSI BIDANG TUGAS

i. Merancang, menyelaras dan mengurus aktiviti penilaian harta pegangan.

ii. Menyediakan, menyemak dan mengemas kini Senarai Nilaian.

iii. Menjalankan pemeriksaan dan siasatan ke atas harta pegangan.

iv. Menyedaikan laporan penilaian bagi pelbagai tujuan termasuk percukaian, pelupusan aset dan pengurusan harta.

v. Mengendalikan urusan bantahan nilaian serta menghadiri prosiding berkaitan.

vi. Memberi khidmat nasihat berkaitan penilaian harta tanah kepada jabatan dan pihak berkepentingan.

viii. Menyelaras projek khas berkaitan penilaian dan pengurusan aset Majlis.

viiii. Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

SYARAT KHAS PELANTIKAN BAGI GRED W12

4.1. Pegawai Penilaian Gred W10 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Penilaian Gred W12.

4.2. Keutamaan akan diberikan kepada calon yang mempunyai pengalaman berkhidmat dengan Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sekurang-kurangnya 15 tahun.

4.3. Berdaftar sebagai Penilai Berdaftar (*Registered Valuer*) dengan Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta Malaysia (BOVAEP).

4.4. Mempunyai pengalaman profesional sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang penilaian harta tanah selepas memperoleh kelayakan profesional.

4.5. Mempunyai pengalaman dalam satu atau lebih bidang berikut:
- Penyediaan Senarai Nilaian;
- Penilaian bagi maksud cukai taksiran Pihak Berkuasa Tempatan;
- Pengendalian bantahan nilaian;
- Penyediaan laporan penilaian;
- Penilaian bagi pelupusan, perolehan, pengambilan balik tanah atau pengurusan aset.

4.6. Mempunyai pengetahuan yang baik mengenai:
- Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171);
- Akta Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta 1981 (Akta 242);
- Kaedah-kaedah dan amalan penilaian harta tanah.

4.7. Berkebolehan menggunakan aplikasi komputer termasuk Microsoft Office dan Sistem Penilaian/GIS adalah satu kelebihan.

4.8. Memiliki kemahiran kepimpinan, komunikasi, penyediaan laporan teknikal serta kebolehan membuat keputusan.

4.9. Syarat-syarat di atas hendaklah dibaca bersama syarat-syarat skim perkhidmatan Pegawai Penilaian yang sedang berkuat kuasa.

CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah menggunakan aplikasi dalam talian (*online*) sahaja dengan melayari laman web Majlis Perbandaran Manjung di www.mpm.gov.my dan pemohon akan dihubungkan ke Laman Portal Perak Digital Negeri Perak di bawah Aplikasi Permohonan Jawatan Kosong di https://digital.perak.my.

CATATAN AM

(a) Pihak Majlis berhak menentukan asas-asas tapisan dalam menyenarai pendek calon-calon yang layak dipanggil untuk sesi ujian/temu duga.

(b) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya. Segala perbelanjaan kerana menghadiri ujian/temu duga adalah ditanggung oleh calon-calon sendiri.

(c) Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat di agensi kerajaan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan dengan mengemukakan dokumen berikut semasa dipanggil untuk sesi ujian/temu duga:
i. Satu salinan Ringkasan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini;
ii. Laporan Nilaian Prestasi Tahunan terkini; dan
iii. Surat Perakuan Ketua Jabatan sama ada beliau menyokong/tidak menyokong permohonan jawatan tersebut.

TARIKH TUTUP IKLAN : 30 NOVEMBER 2026